

19 Mei 2020

Para Saudara dan Saudari yang Dikasihi:

Kembali ke Pertemuan Gereja dan Aktiviti Dengan Selamat

Pada 12 Mac 2020, Presidensi Utama dan Kuorum Dua Belas Rasul mengumumkan bahawa pengumpulan ahli-ahli Gereja secara awam telah dihentikan buat sementara di seluruh dunia kerana kesan wabak COVID-19.

Dengan surat ini, kami membenarkan sebilangan pertemuan dan aktiviti untuk dimulakan semula secara terhad mengikut kaedah teliti dan berperingkat. Presidensi Kawasan akan berusaha dengan ahli Kuorum Dua Belas Rasul dan Presidensi Tujuh Puluh yang menyelia mereka dalam membuat keputusan bagi masa dan mana pertemuan boleh mula di kawasan mereka. Dengan berhati-hati dan mematuhi peraturan tempatan, mereka akan memaklumkan para pemimpin pancang dan bahagian bila untuk mula mengikut panduan peringkat 1 atau peringkat 2 dan bila untuk menjalankan standard asal.


Lampiran bersama surat ini menyediakan asas-asas dan maklumat untuk membimbing proses ini, yang boleh disesuaikan oleh Presidensi Kawasan menurut keadaan. Berdasarkan panduan diberi oleh Presidensi Kawasan dan nasihat dengan uskup, setiap presiden pancang akan menentukan masa tertentu untuk kembali ke pertemuan serta aktiviti bagi bahagian dan pancang.

Kami bersyukur atas iman ahli-ahli yang menyembah di rumah dan kami bersyukur bagi berkat yang akan datang ketika kita berkumpul untuk menyembah dan melakukan aktiviti.

Dengan ikhlas,






  
Presidensi Utama

# Panduan untuk Kembali ke Pertemuan dan Aktiviti Gereja dengan Selamat

19 Mei 2020

---



Pada 12 Mac 2020, Presidensi Utama dan Kuorum Dua Belas Rasul mengumumkan bahawa pengumpulan ahli-ahli Gereja secara awam telah dihentikan buat sementara di seluruh dunia kerana kesan wabak COVID-19.

Para Saudara ini kini telah membenarkan pertemuan dan aktiviti dijalankan semula mengikut kaedah berperingkat *apabila peraturan tempatan membenarkan dan Presidensi Kawasan memaklumkan para pemimpin tempatan*. Apabila kebenaran ini diberikan bagi lokasi anda, sila mula dengan cara yang berhati-hati, dirancang dengan teliti dan berdasarkan peraturan kerajaan tempatan.

## Garis Panduan Umum

Sila lihat lampiran surat Presidensi Utama pada 16 April 2020, “[Asas Pentadbiran dalam Masa yang Mencabar](#),” termasuk lampiran “[Asas Pentadbiran dalam Masa yang Mencabar](#)” dan “[Arahan untuk Tatacara, Berkat, dan Fungsi Lain Gereja yang Penting](#).” Juga, rujuk kepada dokumen “[Bertindak balas terhadap COVID-19: Jawapan kepada Soalan](#).”

Sila pertimbangkan asas-asas dan panduan tambahan berikut:

- Gunakan langkah berhati-hati dalam melindungi kesihatan dan keselamatan para ahli. Beri tumpuan kepada ahli yang kesihatan dan usia yang mungkin berisiko tinggi.
- Nasihati individu yang tidak sihat, atau telah dimaklumkan untuk kuarantin, atau menunjukkan gejala-gejala berikut bahawa mereka tidak patut hadir pertemuan: demam, batuk, sesak nafas, sakit kepala, selesema atau sakit kerongkong.
- Amalkan jarak sosial, mencuci tangan dengan sabun dan amalan lain yang disenaraikan di “[Preventative Measures for Members](#).”
- Patuh peraturan kerajaan di setiap lokasi berkenaan perkumpulan awam, termasuk saiz pertemuan, kekerapan dan jangka masa. Sila gunakan peraturan kerajaan.
- Sila kembali ke amalan normal dengan perlahan, teruskan bekerja dari rumah menggunakan teknologi serta perjumpaan bersua muka seperti kaedah berperingkat yang dijelaskan di bawah. Keutamaan bagi perjumpaan bersua muka harus diberikan kepada pertemuan di mana tatacara dilaksanakan, seperti pembaptisan dan pertemuan sakramen.

## Panduan untuk Kembali ke Pertemuan dan Aktiviti Gereja dengan Selamat

19 Mei 2020

### Kaedah Berperingkat

Presidensi Kawasan, dengan kelulusan daripada ahli Kuorum Dua Belas and Presidensi Tujuh Puluh yang menyelia mereka, akan maklumkan para pemimpin pancang dan bahagian bila untuk berfungsi mengikut peringkat 1 atau peringkat 2 dan bila dapat kembali ke amalan standard. Carta berikut menyediakan contoh dan boleh disesuaikan oleh Presidensi Kawasan mengikut keadaan. Berdasarkan panduan diberi oleh Presidensi Kawasan dan nasihat dengan uskup, setiap presiden pancang akan menentukan masa tertentu untuk kembali ke pertemuan serta aktiviti bagi bahagian dan pancang.

<b>Pertemuan</b>	<b>Peringkat 1</b>	<b>Peringkat 2</b>
Hari Sabat	Pertemuan yang disingkatkan di bangunan gereja dengan sebanyak 99 individu, mengikut peraturan kerajaan tempatan	Pertemuan di bangunan gereja dengan 100 atau lebih individu, mengikut peraturan kerajaan tempatan
Semua pertemuan dan aktiviti lain, termasuk upacara pengebumian dan perkahwinan	Pertemuan yang disingkatkan, mengikut peraturan kerajaan tempatan atau dijalankan dari rumah menggunakan teknologi	Pertemuan di bangunan gereja boleh diadakan mengikut peraturan kerajaan tempatan.

*Penjarakan sosial.* Pertimbangkan cara mengekalkan jarak keselamatan yang sesuai semasa pertemuan dan kelas dan sewaktu memasuki dan keluar dari gereja dan bilik kelas. Individu dari rumah yang sama boleh duduk bersama, tetapi orang lain harus duduk dengan mengamalkan jarak keselamatan yang sesuai. Ia disyorkan bahawa kumpulan koir dihentikan buat sementara.

*Apabila lebih banyak ahli ingin hadir.* Apabila lebih banyak ahli ingin hadir melebihi panduan di atas, pemimpin boleh mengadakan berbilang pertemuan sepanjang hari atau menjemput ahli untuk menghadiri selang seminggu.

*Berbilang bahagian dan cabang dalam satu bangunan gereja.* Apabila ada lebih daripada satu cabang menggunakan sebuah bangunan gereja, presiden pancang harus disesuaikan masa pertemuan supaya jadual pertemuan tidak bertindih.

*Kawasan dengan bahagian-bahagian yang besar.* Bahagian-bahagian dengan kehadiran yang besar dalam pertemuan perlu tunggu untuk mula mengadakan pertemuan di peringkat 2. Bahagian-bahagian ini perlu membuat pertemuan selang seminggu untuk melayani semua ahli. Pada hari Ahad di mana ahli tidak hadir di bangunan gereja, mereka boleh mengadakan penyembahan di rumah dan, apabila dibenarkan oleh uskup, sakramen boleh dilaksanakan di rumah oleh seorang pemegang imamat yang layak.

## **Panduan untuk Kembali ke Pertemuan dan Aktiviti Gereja dengan Selamat**

19 Mei 2020

*Sekolah Primer.* Semasa peringkat 1 dan 2, para pemimpin boleh menentukan jika nurseri dan kelas Sekolah Primer bagi kanak-kanak lebih kecil boleh diadakan. Mereka juga boleh tentukan jika waktu menyanyi dan kelas boleh diadakan.

*Langkah-langkah kebersihan.* Pemimpin harus memastikan bangunan dibersihkan secara teliti selepas setiap sesi pertemuan, terutamanya tempat yang telah disentuh, seperti tombol pintu, suis lampu, mesin air minum, mikrofon, dan mimbar. Bahagian-bahagian boleh meletakkan tanda-tanda di tandas sebagai peringatan untuk mencuci tangan. Jika ada, cecair pembersih tangan harus disediakan di ruang masuk bangunan gereja. Menurut peraturan kerajaan tempatan, para ahli boleh digalakkan memakai penutup muka. Bahagian-bahagian harus pertimbangkan hentian sebarang cetakan program sehingga keadaan kembali ke normal.

*Berkat untuk kanak-kanak.* Uskup boleh membenarkan berkat-berkat dilaksanakan di rumah keluarga kanak-kanak itu atau di bangunan gereja.

*Pembaptisan dan penetapan.* Pembaptisan dan penetapan memerlukan kelulusan para pemimpin imam yang memegang kunci-kunci yang sesuai. Pertemuan pembaptisan boleh diadakan dengan bilangan kecil sebanyak empat orang, atau lebih jika dibenarkan. Orang lain boleh menyaksikan pembaptisan melalui penggunaan teknologi. Sehingga pertemuan sakramen kembali ke jadual normal, penganut baru boleh ditetapkan segera selepas dibaptiskan, tidak perlu tunggu sampai pertemuan sakramen. Imam Harun juga boleh dianugerahkan ke atas lelaki pada usia sesuai segera selepas mereka dibaptiskan dan ditetapkan, di bawah arahan uskup.

### **Melaksanakan Sakramen—Asas-asas Umum**

Untuk menjaga kesihatan dan keselamatan para ahli, para pemegang imam haruslah pada setiap masa mematuhi panduan umum ini semasa menyediakan dan mengedarkan sakramen tidak kira di mana ia dilaksanakan:

- Pemegang imam yang tidak sihat perlu berada di rumah.
- Di mana boleh, pemegang imam boleh memakai penutup muka semasa menyedia, memberkat dan mengedar sakramen.
- Sebelum penyediaan, pemberkatan atau pengedaran sakramen, pemegang imam harus cuci tangan dengan sabun dan air selama 20 saat. Jika kemudahan untuk mencuci tangan tidak ada, mereka harus menggunakan cecair pembersih tangan beralkohol. Kemudian, mereka harus elakkan bersalaman, sentuh mata, hidung atau mulut sebelum menyedia, memberkat atau mengedar sakramen.

## **Panduan untuk Kembali ke Pertemuan dan Aktiviti Gereja dengan Selamat**

19 Mei 2020

- Semua perlu menutup batuk atau bersin dengan sehelai tisu. Kemudian mereka harus buang tisu ke dalam tong sampah dan cuci atau bersih tangan dengan cecair pembersih tangan beralkohol. Permukaan dulang sakramen, termasuk pemegang, harus dibersihkan dan dibasmi kuman dengan kerap.

### **Melaksanakan Sakramen di Rumah**

- Beberapa ahli mungkin tidak dapat berkumpul buat satu jangka masa dan harus dilayani secara individu. Di mana diperlukan, uskup boleh terus membenarkan pemegang imamat yang layak untuk menyediakan dan melaksanakan sakramen di rumah. Jika tiada pemegang imamat yang layak di rumah, uskup boleh membenarkan pemegang imamat lain yang layak dalam bahagian untuk menyediakan dan melaksanakan sakramen di rumah ahli yang telah membuat permintaan.

### **Melaksanakan Sakramen di Bangunan Gereja\***

- Uskup boleh pertimbangkan penyesuaian dalam pengedaran sakramen. Contohnya, mereka boleh meminta para ahli untuk duduk selang satu kerusi atau jarakkan kerusi supaya pemegang imamat boleh memberi dulang sakramen kepada semua ahli, bukannya dengan setiap individu memberi dulang sakramen satu persatu ke individu sebelah sehingga ke hujung barisan kerusi.

\* *Gambar yang menunjukkan cara asas-asas ini boleh digunakan dengan betul kini didapati di [Newsroom.ChurchofJesusChrist.org](http://Newsroom.ChurchofJesusChrist.org).*

GEREJA YESUS KRISTUS ORANG SUCI ZAMAN AKHIR  
PEJABAT PRESIDENSI UTAMA  
47 EAST SOUTH TEMPLE STREET, SALT LAKE CITY, UTAH 84150-1200

16 April 2020

Kepada: Para Penguasa Umum; Pegawai Umum; Ahli Kawasan Tujuh Puluh; Presiden Pancang, Misi, Daerah dan Presiden Bait Suci; Uskup dan Presiden Cabang

Para Saudara dan Saudari yang Dikasihi:

Asas Pentadbiran dalam Masa yang Mencabar

Kami bersyukur atas usaha yang anda sedang lakukan untuk mengikuti arahan dengan teliti daripada pemimpin negara, negeri, dan tempatan di banyak negara sebagai tindak balas terhadap wabak COVID-19. Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir juga sedang mengambil langkah berjaga-jaga yang sesuai dan menyediakan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Dalam keadaan sekarang dan keadaan yang mungkin ada di masa depan, Gereja dan para ahlinya akan menunjukkan komitmen untuk menjadi warganegara yang baik dan jiran yang baik.

Dilampirkan bersama surat ini adalah dokumen-dokumen yang menjelaskan asas-asas pentadbiran bagi Gereja pada masa yang mencabar. Arahan dilampirkan untuk tatacara, berkat, dan fungsi lain Gereja yang penting untuk membimbing para pemimpin melalui krisis semasa dan hari-hari mencabar yang akan datang.

Dokumen-dokumen ini dikeluarkan sebagai tindak balas terhadap gangguan dalam prosedur Gereja dan aktiviti ahli yang disebabkan oleh wabak COVID-19 di seluruh dunia. Ia harus memberikan panduan selama wabak ini ada di negara atau wilayah tertentu. Arahan lain akan dikeluarkan kemudian.

Dengan ikhlas,

  
\_\_\_\_\_

  
\_\_\_\_\_

  
\_\_\_\_\_


Presidensi Utama

## Asas Pentadbiran dalam Masa yang Mencabar

16 April 2020

---

Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir memberi tumpuan pada tanggungjawab yang ditugaskan secara ilahi untuk membantu para ahli semasa mereka maju pada jalan perjanjian menuju kehidupan abadi. Untuk membantu mencapai tujuan ilahi ini, Gereja dan para pemimpinnya menyediakan wewenang dan kunci-kunci imamat, perjanjian dan tatacara, serta arahan nabi. Gereja menjemput semua orang untuk datang kepada Yesus Kristus dan dengan beriman mematuhi perintah-perintah-Nya.



### Masa yang Mencabar

Tulisan suci jelaskan bahawa dalam zaman keagamaan ini kita akan mengalami masa yang mencabar. Di tengah-tengah keadaan yang sukar, Gereja akan mengisytiharkan prinsip asas dan memberi tatacara yang diperlukan untuk memberkati anak-anak Bapa Syurgawi. Tidak mengira masa atau keadaan, perkara-perkara tertentu adalah penting dalam Gereja Tuhan. Ini termasuk ajaran dan tatacara kudus.

### Tanggungjawab Warganegara Global

Para ahli Gereja bersyukur atas undang-undang negara di seluruh dunia yang melindungi kebebasan agama dan menghormati kebebasan kudus hati nurani.

Gereja mengajarkan bahawa ahlinya harus sokong dan mendukung undang-undang di mana pun mereka berada. Kerajaan-kerajaan ini membuat undang-undang menggunakan penilaian mereka yang paling baik untuk menjamin kepentingan umum. Kami mengakui bahawa dalam keadaan yang luar biasa, semua hak individu boleh dibatasi secara wajar, bagi sementara waktu untuk melindungi keselamatan masyarakat umum.

Pada masa wabak atau bencana alam, Gereja akan bertindak balas atas perintah rasmi untuk mengambil tindakan yang diperlukan seperti membatalkan atau menangguhkan pertemuan atau pengumpulan lain. Gereja dan para ahlinya komited untuk menjadi warganegara dan jiran yang baik. Gereja mempunyai sejarah panjang untuk menjangkau dan memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Seiring dengan komitmen untuk menjadi warganegara global yang baik, kita dengan hormat menegaskan bahawa penyesuaian yang wajar diberikan kepada semua orang yang beriman ketika mereka berusaha untuk menyertai dalam upacara, yang merupakan asas kepercayaan mereka.

### Tuhan Telah Menyediakan Gereja-Nya

Arahan yang telah diilhami selama bertahun-tahun telah menyediakan Gereja Tuhan dan para ahlinya, secara duniawi dan rohani, untuk masa yang berubah dan mencabar.

Tambahan kepada nasihat lama bagi para ahli untuk memiliki simpanan makanan di rumah, para ahli Gereja turut memberi tumpuan pada mematuhi Hari Sabat, melayani orang

lain, dan memperkuat kuorum Imamat Melkisedek dan Lembaga Pertolongan. Melalui para nabi-Nya, Tuhan telah meningkatkan tumpuan pada pembelajaran dan kehidupan injil yang berpusat di rumah, yang disokong oleh Gereja. Para ahli telah digalakkan untuk menjadikan rumah mereka tempat kudus iman yang sejati di mana anak-anak dan remaja diajarkan injil. Kurikulum *Ikutlah Aku* menyediakan contoh para ahli di mana sahaja mempelajari injil di rumah mereka dan di Gereja. Program Kanak-kanak dan Remaja juga berpusat di rumah, yang membolehkan ibu bapa mengasuh anak-anak mereka secara rohani, intelektual, jasmani, dan sosial.

Para ahli telah didorong untuk menggunakan teknologi untuk berkongsi pesanan injil dengan cara yang biasa dan semula jadi. Para penginjil telah disediakan alat yang membolehkan mereka mencari dan mengajar walaupun berhubung secara bersemuka dengan orang tidak boleh dilakukan. Para ahli boleh melibatkan diri dalam pekerjaan sejarah keluarga dari rumah.

Ketika kita melihat pola saling berkaitan dari usaha ini dan banyak yang lain, kita dapat melihat bagaimana Tuhan telah merancang dan mengatur kita dengan teliti untuk bersedia bagi masa yang mencabar.

### **Prinsip dan Tatacara Asas**

Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir adalah gereja yang teratur. Tatacara dan berkat adalah tindakan kudus yang disediakan oleh wewenang imamat. Walaupun beberapa prosedur dapat berubah bergantung kepada keadaan, ajaran, prinsip, dan tatacara asas harus dilindungi.

Banyak tatacara memerlukan perletakan tangan, seperti penetapan, pentahbisan, berkat, ditetapkan untuk panggilan, dan pemberian kunci-kunci imamat. Tatacara sedemikian memerlukan pemegang imamat yang melaksanakan tatacara itu mesti berada di lokasi yang sama dengan penerima. Tatacara imamat tidak boleh dilaksanakan dari jarak jauh menggunakan teknologi. Apabila keadaan memerlukan, orang lain dapat memerhati tatacara dari jarak jauh menggunakan teknologi jika dibenarkan oleh pemimpin yang mempunyai wewenang.

Dalam masa mencabar ini, pemimpin yang mempunyai wewenang harus menggunakan kebijaksanaan dalam tatacara mana yang harus ditangguhkan untuk sementara waktu. Apabila penyakit mudah berjangkit menjadi perhatian, mereka yang melaksanakan tatacara harus mengambil tindakan berjaga-jaga yang perlu untuk melindungi diri mereka dan orang lain.



Dilampirkan di sini adalah arahan untuk tatacara, berkat, dan fungsi lain Gereja yang penting.

Dokumen-dokumen ini dikeluarkan sebagai tindak balas kepada gangguan dalam prosedur Gereja dan aktiviti ahli yang disebabkan oleh wabak COVID-19 di seluruh dunia. Ia harus digunakan sebagai panduan selama wabak ini dan batasan rasmi berkaitan pertemuan Gereja dan pendedahan awam yang ada di negara tertentu atau bahagian geografi sesebuah negara. Arahan lain akan dikeluarkan kemudian.

### **Kesimpulan**


Seperti yang dikatakan oleh nabi Nefi, “Tuhan tidak memberi perintah kepada anak-anak manusia, kecuali dia menyediakan suatu jalan untuk mereka supaya mereka dapat menyempurnakan hal itu yang Dia perintahkan kepada mereka” (1 Nefi 3: 7). Tuhan akan membantu kita. Kuasa imamat dan kesolehan para ahli akan membantu kita maju ke depan dalam hari-hari yang akan datang.

## **Arahan untuk Tatacara, Berkat, dan Fungsi lain Gereja yang Penting**

16 April 2020

---

Dalam masa yang luar biasa, tatacara biasanya boleh dilaksanakan dengan mengambil langkah berjaga-jaga yang perlu. Contohnya, apabila penyakit mudah berjangkit menjadi perhatian, mereka yang melaksanakan tatacara harus mencuci tangan dengan teliti dan menggunakan sarung tangan dan penutup muka.



### **Pembaptisan dan Penetapan**

Pembaptisan dan penetapan memerlukan kebenaran pemimpin imamat yang memegang kunci-kunci yang sesuai. Apabila diperlukan, tatacara pembaptisan boleh diteruskan dengan sekurang-kurangnya empat orang: calon pembaptisan, imam atau pemegang Imamat Melkisedek yang melaksanakan pembaptisan, dan dua orang saksi. Pembaptisan dilaksanakan di bawah kuasa uskup atau presiden misi yang memegang kunci imamat yang perlu. Uskup atau presiden misi atau seseorang yang ditugaskan (yang boleh menjadi salah seorang saksi) mesti memerhatikan dan mencatat pembaptisan dan penetapan. Sekiranya perlu, pemberi kebenaran boleh melakukannya dengan menggunakan teknologi dari jarak jauh. Pemimpin, keluarga, dan rakan boleh menyaksi dengan menggunakan teknologi dari jarak jauh. Apabila pertemuan sakramen digantung sementara, para penganut baru boleh ditetapkan dengan segera menyusuli pembaptisan.

### **Pentahbisan dan Penetapan Imamat**

Pentahbisan dan penetapan imamat memerlukan kebenaran terlebih dahulu daripada pemegang kunci-kunci imamat yang sesuai. Ia juga memerlukan perletakan tangan secara fizikal oleh pemegang imamat yang diberikan wewenang. Tatacara itu harus diperhatikan dan dicatat oleh pemegang kunci-kunci imamat atau seseorang yang telah ditugaskan. Sekiranya perlu, individu ini boleh memerhatikan tatacara dengan menggunakan teknologi dari jarak jauh. Pemimpin, keluarga, dan rakan boleh menyaksi dengan menggunakan teknologi dari jarak jauh.

Pentahbisan, panggilan, dan penetapan boleh dilaksanakan tanpa sokongan ahli bahagian dan pancang jika dibenarkan terlebih dahulu oleh pemegang kunci-kunci imamat yang sesuai. Ini membenarkan pekerjaan Tuhan untuk terus maju, dan tindakan itu akan disahkan kemudian ketika pertemuan dilakukan semula.

### **Melayani Orang yang Sakit**

Berkat imamat memerlukan perletakan tangan secara fizikal. Biasanya, dua atau lebih pemegang Imamat Melkisedek akan melaksanakannya, tetapi seseorang boleh

melakukannya sendiri. Setelah mengambil langkah berjaga-jaga yang perlu, jika keadaan tidak mengizinkan perletakkan tangan di kepala seseorang, doa boleh diberikan, termasuk menggunakan teknologi. Ini adalah doa iman dan bukan berkat imamat. Sesiapa sahaja pada bila-bila masa boleh berdoa, berpuasa atau melayani orang lain.

### **Melaksanakan Sakramen**

Para ahli harus memanfaatkan berkat-berkat menghadiri pertemuan sakramen dan mengambil sakramen setiap minggu jika boleh. Dalam keadaan yang luar biasa, ketika pertemuan sakramen bahagian tidak diadakan untuk tempoh yang lama, uskup boleh memberi wewenang kepada para pemegang imamat yang layak di bahagiannya untuk menyediakan dan melaksanakan sakramen di rumah sendiri atau di rumah ahli bahagian yang tidak mempunyai imam atau pemegang Imamat Melkisedek yang layak di rumah. (Lihat *General Handbook*, 18.9.1.) Apabila diperlukan, sakramen boleh dilaksanakan oleh imam atau pemegang Imamat Melkisedek tunggal.

Para ahli boleh menyediakan roti dan air sendiri. Namun, penyediaan sakramen harus dilakukan oleh pemegang imamat yang diberikan wewenang. Pemegang imamat yang melaksanakan sakramen mesti berada di lokasi yang sama dengan penerima ketika mereka memecahkan roti, mengucap doa, dan mengedarkan lambang itu. Dalam keadaan ketika sakramen tidak tersedia, para ahli dapat dihiburkan dengan mengkaji doa sakramen dan komited semula untuk mentaati perjanjian yang telah dibuat dan berdoa untuk hari mereka akan menerima sakramen secara bersemuka dan dilaksanakan oleh imam.

Individu dan keluarga diberkati apabila mereka dapat mengadakan penyembahan Hari Sabat yang berpusat di rumah secara peribadi, secara bersemuka atau dari jarak jauh. Penyembahan itu boleh merangkumi doa, lagu rohani, dan kajian injil. Apabila pemegang imamat yang diberikan wewenang hadir, sakramen boleh diberkati dan diedarkan.

### **Fungsi Lain Gereja**

**Pertemuan.** Dalam keadaan yang ekstrim, para pemimpin boleh mengantungkan pertemuan dan aktiviti untuk sementara waktu. Apabila keadaan memerlukan, mesyuarat lembaga uskup, temuduga, dan mesyuarat majlis bahagian boleh diadakan dari jarak jauh dengan menggunakan teknologi, seperti panggilan telefon atau panggilan video. Para uskup dan pemimpin bahagian boleh menggunakan teknologi untuk pesanan tambahan kepada penyembahan ahli yang berpusat di rumah.

**Melayani.** Pelayan saudara dan saudari akan mendapati terdapat pelbagai cara untuk menyediakan sokongan yang diperlukan kepada individu dan keluarga yang mereka

ditugaskan. Pelayanan dilakukan secara bersemuka atau menggunakan teknologi dari jarak jauh bergantung kepada keadaan tempatan dan keperluan, keinginan, serta kesihatan mereka yang terlibat. Temuduga pelayanan boleh dilakukan dari jarak jauh menggunakan teknologi apabila diperlukan. Dalam kes yang ekstrim, pelayanan secara bersemuka mungkin terbatas dalam menangani keperluan jasmani, mental, atau emosi yang serius dan penting. Pelayan saudara dan saudari harus menunjukkan kasih dan sokongan mereka dalam cara yang sesuai.